

# **AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN *IQRA'* MURID BERKEPERLUAN KHAS (PENDENGARAN): SATU KAJIAN RINTIS**

Hifzan Mat Hussin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Norazmi Anas

## **ABSTRAK**

Pendidikan Islam merupakan subjek teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Muslim termasuk murid berkeperluan khas seperti golongan bermasalah pendengaran yang tergolong dalam *mukalaf*. Mereka ditaklifkan dengan ibadah dalam agama seperti solat, puasa dan haji melainkan mereka yang mempunyai dua kecacatan iaitu pekak dan buta. Program j-QAF Pendidikan Khas dilaksanakan pada tahun 2007 untuk memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam. Model Pengajaran dan Pembelajaran *Iqra'* yang dilaksanakan dalam program j-QAF amat menekankan penguasaan bacaan *Iqra'* murid berkeperluan khas (MBK). Namun, data e-pelaporan j-QAF saban tahun menunjukkan tahap bacaan *Iqra'* dalam kalangan murid pendidikan khas sangat lemah dan tidak menunjukkan peningkatan yang ketara walaupun program ini sudah dilaksanakan lebih 10 tahun. Terdapat banyak kajian lepas yang telah dilaksanakan berkaitan amalan pengajaran guru, namun amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkaitan pengajaran *Iqra'* pendidikan khas kurang dikaji khususnya terhadap murid bermasalah pendengaran. Kajian lepas juga banyak mengkaji mengenai amalan pengajaran guru aliran perdana secara umum melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam. Guru memainkan peranan utama dalam melaksanakan dasar-dasar pendidikan negara seperti yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Justeru, tulisan ini akan meneroka amalan pengajaran guru Pendidikan Islam (GPIPK) dalam pengajaran *Iqra'* murid berkeperluan khas bermasalah pendengaran di Kelantan. Kajian ini memilih kaedah penyelidikan secara kualitatif dan pensampelan bertujuan. Kajian rintis telah dilaksanakan untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan soalan temu bual semi struktur amalan pengajaran guru. Kajian ini akan memberi manfaat kepada GPIPK, pentadbir, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha meningkatkan pengajaran GPIPK sekolah rendah selain turut menjadi sumber rujukan pengkaji-pengkaji akan datang.

**Kata Kunci:** Amalan Pengajaran Guru, Pendidikan Islam, Pendidikan Khas, Pendengaran, *Iqra'*

## **PENDAHULUAN**

Pendidikan Islam adalah subjek teras yang wajib dipelajari oleh semua murid di Malaysia termasuk murid pendidikan khas. Pendidikan khas adalah salah satu cabang pendidikan yang diamalkan di Malaysia. Pendidikan khas adalah perkhidmatan pendidikan yang disediakan khusus untuk orang kurang upaya (OKU) atau disebut sebagai murid berkeperluan khas (MBK) dalam konteks persekolahan. Pendidikan khas melibatkan penempatan MBK khusus dalam pelbagai kategori seperti masalah penglihatan (BL), gangguan pendengaran (BD) dan masalah pembelajaran (BP). Semua kategori MBK ini diletakkan dalam tiga program pendidikan khas, iaitu sekolah pendidikan khas

(SPK), program pendidikan khas integrasi (PPKI) dan program pendidikan inklusif (PPI) (Hifzan *et al.*, 2021). Murid pendidikan khas masalah pendengaran menggunakan kurikulum yang sama dengan aliran perdana dengan sedikit pengubahsuaian. Murid pendidikan khas bermasalah pendengaran juga terlibat dengan sistem peperiksaan seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang kini telah dimansuhkan sepenuhnya. Golongan pekak tergolong dalam *mukalaf* yang ditaklifkan dengan ibadah dalam agama seperti solat, puasa dan haji melainkan mereka yang bermasalah pekak dan buta sekali gus (Hamdi Ishak, 2011).

Program j-QAF di kelas pendidikan khas telah dilaksanakan pada tahun 2007 untuk memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam (Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, 2018). Program j-QAF di pendidikan khas hanya menekankan kepada Model Amali Solat dan Model *Iqra'*, namun pencapaian *Iqra'* MBK masih lemah (Data e-pelaporan j-QAF, 2020). Murid bermasalah pendengaran mempunyai keupayaan yang sama dengan murid normal, melainkan yang membezakan mereka hanyalah bahasa komunikasi. Terdapat lima faktor yang menyumbang kepada isu pencapaian yang rendah ini iaitu guru, murid, bahan bantu mengajar (BBM), ibubapa dan persekitaran (Mohd Fadzli & Mohd Sukki, 2012). Namun guru merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid (Azmil Hashim *et al.*, 2020; Hamdi Ishak *et al.*, 2012; Mohd Nahi, 2018). Amalan pengajaran guru merupakan suatu yang amat penting untuk diperbincangkan supaya segala kelemahan dapat diperbaiki dan penambahbaikan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ini kerana amalan pengajaran dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar sama ada pencapaian dalam peperiksaan mahupun pencapaian kendiri mereka.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan amalan pengajaran guru telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Begitu juga amalan pengajaran guru Pendidikan Islam untuk murid tipikal telah banyak dilaksanakan. Namun, tidak terdapat banyak kajian dilaksanakan terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam yang mengajar murid berkeperluan khas, khususnya masalah pendengaran. Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid beragama Islam, termasuklah murid pekak.

Walau bagaimanapun, pencapaian murid pendengaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan juga mata pelajaran lain adalah amat mengecewakan, walaupun mereka telah berada di sekolah selama dua belas hingga lima belas tahun (Nik Hasan, 2016). Program j-QAF telah dilaksanakan di kelas pendidikan khas sejak tahun 2007, namun sehingga kini data e-pelaporan j-QAF menunjukkan pencapaian bacaan *Iqra'* murid secara keseluruhannya hanya berada pada bacaan *Iqra'* satu dan dua sahaja.

Justeru, kajian berkaitan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di kelas pendidikan khas bermasalah pendengaran perlu dilaksanakan. Ini adalah kerana guru merupakan individu yang sangat penting dalam memastikan pencapaian akademik murid berada pada tahap yang cemerlang. Begitu

juga guru memikul tugas besar sebagai agen pelaksana segala dasar dan program pembangunan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lantaran itu, guru perlu membangunkan profesional diri dengan menimba ilmu pengetahuan baru serta menambah baik amalan pengajaran sedia ada. Pengetahuan dan kemahiran baru yang diperolehi dapat meningkatkan efikasi diri yang tinggi kepada guru (Shamsul Rizal *et al.*, 2019). Apatah lagi guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, lebih berperanan besar dalam memastikan generasi murid berkeperluan khas yang celik Al-Quran dan mampu melakukan ibadah wajib solat lima waktu dengan sempurna.

## **OBJEKTIF**

Secara umumnya, objektif kertas kerja ini adalah untuk meneroka amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran *Iqra'* murid pendidikan khas bermasalah pendengaran sekolah rendah dari sudut pengetahuan dan kemahiran pengajaran guru.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk mendapatkan maklumat secara mendalam daripada peserta kajian. Pengumpulan data telah dilakukan menggunakan instrumen temu bual semi-struktur secara dalam talian dengan guru Pendidikan Islam yang mengajar di PPKI sebuah sekolah rendah di Kota Bharu, Kelantan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan hasil kajian rintis yang telah dilaksanakan dapat dibahagikan kepada dua tema berdasarkan objektif kajian. Tema-tema tersebut adalah pengetahuan pengajaran guru dan kemahiran pengajaran guru.

### **Pengetahuan pengajaran GPIPK**

Tema ini menghasilkan dua kategori iaitu pengetahuan *Iqra'* model j-QAF dan kaedah pengajaran *Iqra'*. Kajian menunjukkan peserta kajian mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam pengetahuan *Iqra'* model j-QAF. Guru Pendidikan Islam mengetahui mengenai keperluan untuk melaksanakan sesi tasmik pada setiap minggu dan perlu memasukkan sesi tasmik sekali seminggu dalam jadual mata pelajaran PAI. Selain itu, GPIPK mengetahui untuk melaporkan bacaan tasmik setiap murid dalam borang pelaporan *Iqra'* atau buku pelaporan j-QAF bagi tahun satu bermula dua tahun lepas.

Bagi kategori kedua, iaitu pengetahuan guru berkaitan kaedah pengajaran *Iqra'* mendapat peserta kajian melaksanakan kaedah pengajaran melalui pendekatan memperkenalkan huruf *hijaiyyah* secara kod tangan terlebih dahulu kepada murid. Seterusnya guru memperkenalkan asas baris mudah iaitu baris atas, bawah dan hadapan. Latih tubi bacaan *Iqra'* dilakukan secara berkumpulan dan

individu dalam sesi tasmik pada setiap minggu. Rajah 1 di bawah menunjukkan hasil analisis tema pertama melalui atlas ti versi 9.




Rajah 1: Tema pengetahuan pengajaran GPIPK

### Kemahiran Bahasa Isyarat GPIPK


Tema kedua yang didapati dari kajian ini adalah kemahiran GPIPK. Tema ini menghasilkan dua kategori dan 6 kod. Kategori tersebut adalah kemahiran bahasa isyarat dan kemahiran bahan bantu mengajar. Hasil temu bual dengan peserta kajian, didapati peserta kajian hanya mahir bahasa isyarat untuk huruf tunggal *hijaiyyah* sahaja. Tetapi tidak mahir dalam membaca ayat-ayat panjang kerana perlu menggunakan kaedah penomboran. Namun, ianya tidak menjadi masalah kepada peserta kajian kerana kebanyakan murid masih berada pada tahap bacaan buku *Iqra'* satu, dua sahaja dan yang tertinggi hanya buku *Iqra'*tiga.

Seterusnya berkaitan kemahiran bahan bantu mengajar GPIPK. Hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati peserta kajian menggunakan BBM kad huruf hijaiyyah untuk murid tahap satu. Selain itu, guru menggunakan kad jenis-jenis baris yang asas, buku *Iqra'* dan juga kad perkataan bernombor kaedah FAKEH untuk murid tahap dua. Rajah dua di bawah menunjukkan analisis tema kemahiran GPIPK melalui atlas ti 9.



Rajah 2: Tema kemahiran GPIPK

Dapatkan hasil temu bual yang telah dijalankan juga mendapati peserta kajian berpendapat data e-pelaporan j-QAF yang rendah adalah kerana kadar ingatan murid sangat lemah. Di samping itu, tiada kesedaran ibubapa untuk mengajar anak mereka di rumah atau menghantar mengaji secara berguru. Murid yang tinggi bacaan *Iqra'* adalah terdiri dari mereka yang mengaji di rumah. Peserta kajian mencadangkan agar ibubapa perlu juga belajar bahasa isyarat supaya mereka boleh mengajar anak-anak di rumah. Murid hanya membaca *Iqra'* dengan guru di sekolah sahaja. Mungkin ibubapa berpendapat murid pekak tidak perlu pandai baca Al-Quran dan tidak diwajibkan solat.



Rajah 3: Isu dan cabaran GPIPK

## KESIMPULAN

Hasil temu bual yang dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam yang mengajar MBK pendengaran banyak memberi maklumat secara mendalam mengenai amalan pengajaran guru dalam pengajaran *Iqra'*. Walau bagaimanapun, penulisan ini hanyalah merupakan tinjauan awal yang dilaksanakan dengan kaedah temu bual rintis dan cadangan bagi kaedah pengumpulan data. Oleh itu, kajian lanjutan akan dilaksanakan kepada guru-guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas Pendengaran lain yang telah dipilih bagi menjawab semua persoalan dan objektif dalam kajian ini.

Kesedaran bahawa golongan pekak adalah golongan *mukalaf* yang diwajibkan melakukan ibadah dalam Islam perlu diberi perhatian. Guru merupakan agen penting dalam memastikan segala misi pendidikan negara tercapai. Modul Pengajaran *Iqra'*-j-QAF yang telah dibangunkan oleh KPM perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh semua guru Pendidikan Islam bagi menjamin peningkatan tahap penguasaan bacaan *Iqra'* murid. Selain guru, ibubapa perlu seiring sejalan dalam membantu anak-anak pekak ini dapat membaca Al-Quran mengikut tahap mereka dan seterusnya dapat melaksanakan ibadah solat lima waktu.

## PENGHARGAAN

Pengkaji mendapat biasiswa pengajian Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bergaji penuh secara sepenuh masa dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

## RUJUKAN

- Azmil, H., Zaki, I., & Siti Khairul, B. (2020). Relating teaching practices to student achievement in the field of Ibadah (Worship). *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 11(5), 410–417.
- Hamdi, I. (2011). *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah pendengaran)*. Satu kajian kes. (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamdi, I., Ab Halim, T., Rosadah, A., & Safani, B. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.
- Hifzan, M.H., Nor Mazlina, M., Syed Nurulakla, S.A., Ida Rahayu, M., Mohd Norazmi, N. (2021). Why special education is always in my hearts? *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(11), 5202-5210
- Mohd Fadzli, I., & Mohd Sukki, O. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran Bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*.
- Mohd Nahi, A. (2018). *Amalan pengajaran tilawah Al-Quran berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Hasan, S., (2016). *Permasalahan pengajaran Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah dalam kalangan pelajar pekak*. (Tesis doktor fafsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Sultan Zainal Abidin
- Safarina, U., & Norshidah, M. (2018). Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain ( j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal ORTOPEDAGOGIA*, 4(1), 59–65.
- Shamsul Rizal, K., Abdul Rahim, R., & Mohd Zailani, I. (2019). Tahap komposisi amalan pengajaran guru pendidikan khas dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI): Satu tinjauan awal. *Jurnal IPDA*, (26), 161-174